

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2021

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TANPA TEGURAN

HAL-HAL LAIN

Pihak Kerajaan Negeri Johor adalah disarankan untuk melupuskan pelaburan saham amanah yang bertentangan dengan perenggan 6.2, Piawaian Perakaunan Kerajaan 6 berjumlah RM18 juta pada tahun kewangan 2022

PRESTASI KEWANGAN



HASIL

2021	RM1.428 Bilion	↓ RM246.15 juta (14.7%)
2020	RM1.674 Bilion	




BELANJA

2021	RM1.778 Bilion	↑ RM143.09 juta (8.8%)
2020	RM1.634 Bilion	



Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit RM349.40 juta berbanding lebih RM39.83 juta (2020).

KUMPULAN WANG DISATUKAN



PENYATA AKAUN MEMORANDUM



PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

2021	RM246.42 juta
2020	RM299.37 juta

↓ RM52.95 juta (17.7%)



PELABURAN

2021	RM22 juta
2020	RM22 juta

= RM0 (0%)



HUTANG AWAM

2021	RM211.56 juta
2020	RM217.21 juta

↓ RM5.65 juta (2.6%)

Kedudukan Kewangan
STABIL

**4 SYOR
AUDIT**

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

31 AGENSI

- 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 14 Badan Berkanun Negeri (BBN)
- 1 Majlis Agama Islam

PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021




25 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan



Enam Agensi belum mengemukakan penyata kewangan



Belum
Disahkan



Sijil Tanpa
Teguran




Sijil Tanpa Teguran Dengan
Penegasan Perkara
(EOM)

RUMUSAN AUDIT


Setakat 31 Ogos 2022,
12 penyata kewangan
agensi negeri telah
disahkan

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGANSI YANG TELAH DISIJKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SETAKAT 31 OGOS 2022)



PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG TELAH DISIJKAN BELUM DIBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI



PENYATA KEWANGAN

3

**SYOR
AUDIT**

**PENERANGAN MENGENAI INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI JOHOR TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Johor Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah ditandatangani pada 27 Julai 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- c. Hal-hal Lain
 - Pelaburan Kerajaan Negeri Johor dalam saham amanah di dua institusi pelaburan berjumlah RM18 juta bertentangan dengan perenggan 6.2, Piawaian Perakaunan Kerajaan 6. Pihak Kerajaan Negeri Johor adalah disarankan untuk melupuskan pelaburan tersebut pada tahun 2022.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.

- b. Kutipan hasil menurun berjumlah RM246.15 juta (14.7%), iaitu daripada RM1.674 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.428 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM143.09 juta (8.8%) iaitu daripada RM1.634 bilion pada tahun 2020 menjadi RM1.778 bilion pada tahun 2021. Prestasi kewangan mencatatkan defisit RM349.40 juta pada 2021 berbanding lebih RM39.83 juta pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM190.03 juta menurun sebanyak RM200.68 juta (1,884.3%) berbanding lebih RM10.65 juta pada tahun 2020. Baki Akaun Hasil Disatukan telah menurun berjumlah RM190.03 juta (15.8%), iaitu daripada RM1.204 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.014 bilion pada tahun 2021.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan berjumlah RM244.42 juta atau 16.6% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM1.231 bilion berbanding RM1.475 bilion pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM2.245 bilion, iaitu menurun sejumlah RM434.45 juta (16.2%) berbanding RM2.679 bilion pada akhir tahun 2020.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM52.95 juta (17.7%) daripada RM299.37 juta pada tahun 2020 kepada RM246.42 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM5.65 juta (2.6%) menjadi RM211.56 juta berbanding RM217.21 juta pada tahun 2020. Pelaburan dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2017 hingga 2021 tidak berubah iaitu berjumlah RM22 juta.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 31 agensi negeri yang terdiri daripada 14 Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 11 BBN dan 14 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Daripada 25 agensi terlibat, tiga BBN dan 14 PBT telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 April dan 30 Jun 2022 manakala lapan BBN mengemukakannya selepas

tempoh ditetapkan. Baki tiga BBN dan dua PBT masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. MAI juga masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021.

- c. Sehingga 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 12 daripada 25 penyata kewangan tahun 2021 yang diterima melibatkan enam penyata kewangan BBN dan enam penyata kewangan PBT. Sepuluh penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala dua lagi diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (EOM).
 - d. Sehingga 31 Ogos 2022, satu penyata kewangan BBN bagi tahun 2017; dua penyata kewangan BBN bagi tahun 2018; empat penyata kewangan BBN bagi tahun 2019 dan 20 penyata kewangan agensi bagi tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Terdapat dua penyata kewangan MAI bagi tahun 2017 dan tahun 2018; satu penyata kewangan BBN bagi tahun 2018 dan tiga penyata kewangan BBN bagi tahun 2019 masih belum dibentangkan di DUN walaupun Laporan Ketua Audit Negara telah dikeluarkan. Bagi penyata kewangan tahun 2020 pula, lapan penyata kewangan BBN masih belum dibentangkan di DUN.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak tujuh syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Empat syor kepada Kerajaan Negeri Johor dan tiga syor kepada agensi negeri.

